

# Bukan sengaja tebang pokok

MPKK tebang kerana bahayakan pengguna, nafi tidak jaga pokok warisan di daerah ini

**BANDARKUALA KANGSAR** - Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) menafikan dakwaan yang mengatakan pihaknya tidak menjaga pokok warisan dalam kawasan Kuala Kangsar terutamanya di Dataran Sungai Perak dan Jalan Datuk Sagor, di sini.

Yang Dipertuanya MPPK, Datuk Shahrom Abd Malik berkata, sehingga kini pihaknya mencuba sehabis baik memelihara pokok berusia di daerah ini.

Bagaimanapun, katanya, pokok yang ditebang itu dibuat atas dasar keselamatan selepas menerima aduan penduduk yang bimbang dengan keadaannya.

"Kita ada terima aduan sejak dari 2010 lagi, namun kita tidak tebang pokok itu, kita pelihara. Jadi selepas am-

**INFO** ● MPKK terima tiga kes dahan jatuh di Jalan Datuk Sagor tahun lepas

bil pandangan daripada beberapa pihak, ambil kira keselamatan orang awam, kita buat keputusan.

"Kita tebang pokok-pokok yang berbahaya. Sebenarnya kita pertahankan, tujuh ke lapang tahun dulu kita terima aduan tapi kita pertahankan kerana kita tahu itu adalah pokok warisan.

"Tahun lepas kita terima tiga kes dahan pokok jatuh di Jalan Datuk Sagor. Bila berlaku kes itu, kakitangan pergi memantau kawasan itu. Bila kita pantau, ada sebatang pokok asal hampir mati," kata-



Shahrom menunjukkan berita kes pokok tumbang dikeluarkan *Sinar Harian*, baru-baru ini.

nya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, untuk mengelakkan kejadian pokok tumbang berlaku lagi, MPKK mengambil tindakan awal dengan menebang pokok-pokok berbahaya.

"Kalau tebang secara



Pegawai Lapangan SAM, Meor Azman Meor Abdul Rahman menunjukkan sebatang pokok besar di Jalan Datuk Sagor yang dianggarkan berusia lebih 30 tahun ditebang.

sengaja, memang boleh dikenakan kompaun tetapi ini dilakukan bersebab. Di Taiping, pernah ada kompaun sehingga RM200,000 kerana menebang pokok se-

cara sengaja di Jalan Hang Jebat," katanya.

Shahrom berkata demikian bagi mengulas dakwaan Sahabat Alam Malaysia (SAM) yang melahirkan ke-

kecewaan apabila melihat puluhan pokok ditebang di beberapa kawasan dalam Kuala Kangsar terutamanya di Dataran Sungai Perak dan Jalan Datuk Sagor, di sini.